

MANIFESTASI KESANTUNAN BAHASA DALAM PUISI TRADISIONAL ETNIK DUSUN

Rosliah Kiting^{1*}, Minah Sintian², Patricia Ganing³, Julita Norjietta Taisin⁴, Saripah Banseng⁵
^{1,2,3,4,5}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA
*e-mel: ¹rosliah@fbk.upsi.edu.my

Published: 23 June 2022

To cite this article (APA): Kiting, R., Sintian, M., Ganing, P., Taisin, J. N., & Banseng, S. (2022). Manifestasi Kesantunan Bahasa Dalam Puisi Tradisional Etnik Dusun. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 19–26. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.3.2022>

ABSTRAK

Etnik Dusun merupakan kaum yang menetap di Sabah terdiri daripada beberapa suku, antaranya adalah Dusun Liwan, Dusun Bundu, Dusun Kimaragang, Dusun Lotud, Dusun Tindal, Dusun Tombonuo dan sebagainya. Etnik ini masih mengamalkan adab dalam komunikasi dengan menekankan kesantunan bahasa. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini membincangkan aspek manifestasi kesantunan bahasa yang diungkapkan dalam puisi tradisional etnik Dusun. Kajian akan memfokuskan kepada empat jenis puisi tradisional iaitu *tukadan*, *sudawil*, *tabal-abal* dan *talaala*. Kajian ini mendapati bahawa manifestasi kesantunan bahasa dalam puisi tradisional merupakan manifestasi ungkapan bertatasusila etnik Dusun untuk menggantikan penggunaan kata-kata kasar dan penghuraian adat istiadat masyarakat pendukungnya yang mementingkan keharmonian dengan mengelakkan tutur kata yang menyinggung perasaan. Selain itu, kesantunan bahasa turut memmanifestasi etnik ini berkaitan dengan kepentingan menepati waktu, kerajinan, ketekunan serta kesungguhan melaksanakan sesuatu meskipun terpaksa melalui pelbagai cabaran, masalah dan rintangan. Manifestasi kesantunan bahasa etnik Dusun dalam puisi tradisional ini merupakan wadah penyebaran nilai-nilai bukan sahaja memperlihatkan irama yang indah, tetapi juga disusun dengan begitu teliti agar pemilihan perkataan yang digunakan dapat membayangkan corak pemikiran yang kritis, memaparkan kebijaksanaan etnik ini yang berpandangan jauh dalam melontarkan idea dan pengajaran kepada generasinya.

Kata Kunci: kesantunan berbahasa, manifestasi, kiasan, puisi dan Dusun.

Dusun ethnic group is a race that lives in Sabah consisting of several tribes, among them are Dusun Liwan, Dusun Bundu, Dusun Kimaragang, Dusun Lotud, Dusun Tindal, Dusun Tombonuo and so on. These ethnic groups are still practicing etiquette in communication by emphasizing the politeness of language. Therefore, this paper will discuss the manifestation aspects of politeness of language which expressed in the traditional poetry of the Dusun. The study will focus on four types of traditional poetry, namely tukadan, sudawil, tabal-abal and talaala. The study found that the manifestation of politeness in Dusun poetries is to replace the use of crude words and to maintain the harmony among the community by avoiding offensive words. Apart from that, politeness of language also manifests this ethnicity in relation to the importance of punctuality, diligence and determination to do something despite having to go through various challenges, problems and obstacles. The manifestation of good manners in these poems is a vehicle for the propagation of moral values, not only exhibit a beautiful rhythm, but also properly arranged sentences so that the choice of words used can reflect a critical thought pattern, indicating foresighted community in giving ideas and a teaching to his generation.

Keywords: Language politeness, manifestation, allusion, poetry and Dusun.

PENGENALAN

Kesantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang tertib dan halus, bahasa yang mempunyai nilai hormat kepada seseorang, mempunyai unsur keteguhan dan persetujuan, mempunyai nilai kerendahan hati, kesetiaan dan berintegriti ketika berkomunikasi (Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd Mutalib, 2020). Bahasa kiasan pula merupakan salah satu cara komunikasi masyarakat yang telah diamalkan sejak dahulu kala. Penggunaan bahasa kiasan yang mempunyai makna tersirat sarat dengan falsafah yang mampu menjadikan ungkapan lebih menarik dan berkesan dalam menyampaikan sesuatu mesej. Tidak hairanlah bahasa kiasan wujud dalam kelompok masyarakat berbilang kaum. Kewujudan bahasa kiasan melambangkan akal pemikiran masyarakat pemiliknya dalam menyampaikan pendidikan menggunakan susunan perkataan yang mudah diingati seterusnya difahami sehingga menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Bahasa kiasan merupakan bahasa yang mempunyai makna berlainan daripada makna harafiah perkataan-perkataan yang tersusun membentuknya. Kebanyakan bahasa kiasan dalam pelbagai etnik menggunakan unsur alam sekitar sebagai analogi yang menggambarkan keakraban masyarakat terhadap alam sehingga menjadikan alam sebagai inspirasi mencipta dan menyusun kata-kata membentuk bahasa kiasan sebagai kata-kata yang kaya dengan kesantunan bahasa.

Etnik Dusun merupakan salah satu suku yang tinggal di Sabah. Istilah Dusun merujuk kepada manusia dan berbeza dengan makna istilah *dusun* dalam Bahasa Melayu iaitu kebun buah-buahan. Etnik ini tidak ketinggalan mencipta dan menggunakan bahasa kiasan yang dikaitkan dengan kesantunan berbahasa yang mementingkan sikap berhemah tinggi, tingkah laku mulia serta lemah lembut. Adab ini dapat dilihat daripada ciri-ciri seorang yang mengamalkan sikap sopan, mengakui kesalahan dan ramah mesra serta tidak mempunyai sikap yang sombong, bongkak atau angkuh. Sebaliknya suka merendah diri walaupun memiliki berbagai-bagai kelebihan dari segi harta, rupa, keturunan, darjat atau ilmu pengetahuan. Lazimnya insan seperti ini mudah menyesuaikan diri dengan keadaan orang-orang di sekelilingnya di samping sangat pandai menjaga hati orang supaya mereka tidak berasa terhina atau tersinggung. Sifat seorang yang merendah diri menunjukkan peribadi yang mulia kerana insan begini suka menabur budi tanpa riak dan bukan tujuan untuk mencari nama. Orang yang menjaga dan memelihara perkataan yang baik, sentiasa bertutur dengan lemah lembut, berhati-hati apabila bercakap malah lebih beradab, sopan santun dan lebih senang beralas dalam bahasa. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini membahaskan manifestasi kesantunan dalam puisi tradisional etnik Dusun sebagai satu bentuk komunikasi yang diamalkan berkurun lamanya. Pembahasan ini penting sebagai tatapan generasi seterusnya agar memahami keunikan budaya bangsa.

SOROTAN KAJIAN

Kepentingan kesantunan berbahasa pernah dibahaskan oleh Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd Mutalib (2020) dengan menjelaskan bahawa kesantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang tertib dan halus, bahasa yang mempunyai nilai hormat kepada seseorang, mempunyai unsur keteguhan dan persetujuan, mempunyai nilai kerendahan hati, kesetiaan dan berintegriti ketika berkomunikasi. Hal ini menggambarkan bahawa sebahagian maruah bangsa dapat dilihat dalam bahasa yang digunakan. Sebab itulah Lakoff (1975) dalam Ahmad Fuad Mat Hassan dkk. (2020) mengatakan bahawa prinsip kesantunan itu dibangunkan oleh sesebuah masyarakat dalam usaha untuk mengurangkan pergeseran dalam interaksi peribadi, sekali gus dapat dijadikan strategi untuk mengelakkan konflik. Perkara ini turut ditegaskan dalam kehidupan etnik Dusun, antaranya dilafazkan melalui pengucapan puisi tradisional.

Kajian manifestasi kesantunan yang dilakukan oleh Arina Johari dan Indirawati Zahid (2016) mendapati bahawa peserta perbualan mengaplikasikan pola kombinasi strategi dan maksim dengan meminimumkan Tindakan Ancaman Muka (TAM) ketika mengatur ujaran mereka untuk mencapai situasi bebas konflik dengan Pola B variasi pertama mendominasi keseluruhan ujaran. Kajian turut memperlihatkan faktor kekangan masa siaran serta kehadiran khalayak yang turut menumpang dengar (*over hearer*) menjadi antara faktor yang

signifikan dalam mempengaruhi pemilihan strategi kesantunan peserta perbualan. Kajian ini menggambarkan bahawa manifestasi kesantunan memainkan peranan yang penting dalam komunikasi dan kajian berkaitan dan aspek kesantunan semakin popular dalam kalangan pengkaji. Oleh yang demikian, kajian kesantunan terhadap komunikasi etnik Dusun yang masih kurang dilakukan adalah penting dilaksanakan untuk menelusuri kearifan etnik ini dalam menyusun kata-kata sebagai manifestasi kesantunan dalam komunikasi sama ada secara formal atau dalam sosial seharian.

Metodologi Kajian

Kajian ini yang bertujuan untuk meneroka pengalaman hidup manusia iaitu etnik Dusun dalam menyusun kata-kata sebagai manifestasi kesantunan melalui puisi tradisional, berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dilaksanakan dalam keadaan yang sebenar dan semulajadi maka kajian ini sesuai dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif.

Penyelidikan kualitatif ini menekankan kepada pentingnya menjalankan penyelidikan dalam latar yang sebenar dan semulajadi iaitu dalam lokasi yang diduduki oleh etnik Dusun sebagai informan. Selain itu, penyelidikan ini mementingkan kefahaman terhadap perspektif informan kajian melalui pemahaman terhadap pendapat, pengalaman dan perasaan mereka. Pemahaman terhadap sesuatu situasi diperolehi melalui perspektif yang menyeluruh dan holistik. Dalam pengumpulan dan analisis data, penulis menggunakan pendekatan induktif yakni konsep dan teori dijana daripada data yang dikumpul untuk membantu dalam memahami fenomena yang dikaji.

Pengutipan data menggunakan kaedah *participant observation* yang menekankan pengumpulan data melalui pertemuan secara langsung dengan informan untuk melakukan temu bual secara perseorangan kemudian secara berkumpulan oleh penyelidik sendiri (Bogdan dan Biklen, 2005). Ini akan dapat menghasilkan data yang bermakna memandangkan data-data yang dikutip dapat diproseskan, dijelaskan dan disimpulkan semasa kajian dijalankan (Geertz, 1973, Lincoln dan Guba, 1985).

Seterusnya kajian ini bertunjangan cara penganalisan data secara pembinaan penerangan yang melibatkan pengetahuan berhubung kerumitan (*complexity*), perincian (*detail*) dan konteks pemerolehan maklumat di mana lahirnya pemahaman menyeluruh berdasarkan data yang kaya, bertepatan dengan konteks dan terperinci. Laporan kajian dibuat dalam bentuk deskriptif.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kajian mendapati bahawa salah satu tutur bahasa yang merujuk kepada pemakaian kata-kata yang baik ataupun frasa yang bersifat lebih lembut dan manis dalam etnik Dusun ialah bahasa kiasan. Etnik Dusun menyebut bahasa kiasan sebagai *siriban*. *Siriban* merujuk kepada sesuatu kata yang lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan dan kurang berterus-terang sifatnya bagi memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. *Siriban* boleh juga menukarkan kata-kata tabu menjadi lebih bermakna, sopan dan menyampaikan maksud dengan tepat menggantikan kata-kata yang dianggap kasar, keras atau menyakitkan. Tujuannya adalah supaya konsep atau hal tertentu sampai ke pemahaman pendengar atau pembaca tetapi tidak menyinggung perasaannya.

Bahasa kiasan dalam etnik Dusun adalah acuan berupa ungkapan-ungkapan halus untuk menggantikan acuan-acuan yang mungkin dirasakan menghina, menyinggung perasaan atau mencadangkan sesuatu yang tidak menyenangkan. Kebanyakan bahasa kiasan ini diungkapkan dalam puisi-puisi tradisional seperti *tukadan*, *sudawil*, *tabal-abal* dan *talaala*.

Tukadan

Tukadan atau peribahasa merupakan salah satu puisi tradisional yang terdapat dalam etnik Dusun. *Tukadan* menggunakan bahasa satu kiasan atau bunga-bunga bahasa dalam susunan kata-kata yang mampu menggambarkan sesuatu maksud yang tertentu yang lazimnya berlainan daripada makna asal. *Tukadan* atau *poinkudan* mempunyai tafsiran yang serupa dengan peribahasa seperti yang dinyatakan Nur Afiah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016) dan Harun Mat Piah (2006) iaitu merupakan susunan perkataan yang penuh dengan nilai estetika sekali gus menonjol kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam berkias, satu bentuk komunikasi tersirat yang mengandungi elemen kognitif yang abstrak secara dalamannya dan harus ditafsir ke sifat konkrit secara luarannya. Peribahasa juga adalah ungkapan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua keratan yang sejajar, baik dalam sebaris atau lebih. Ada kemungkinan baris-baris itu tidak berhubungan dari segi rima tetapi terjalin dalam hubungan yang seimbang iaitu sebagai pembanding atau pelengkap kepada yang lain. Dari segi susunan, *tukadan* terdiri daripada kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya. Penggunaan *tukadan* yang sarat dengan bahasa kiasan dalam komunikasi harian mahupun dalam majlis-majlis tertentu sebagai manifestasi etnik Dusun mempunyai kesantunan dalam berbahasa. Pengungkapan perkataan yang beralas melalui kata-kata simbolik, indah dan tersusun memperlihatkan betapa etnik ini mempunyai intelektual yang sangat tinggi. Ini menjadikan bahasa kiasan etnik ini berfungsi sebagai ungkapan bertatasusila yang dapat menggantikan penggunaan kata-kata kasar dan penghuraian adat istiadat masyarakat pendukungnya yang mementingkan keharmonian dengan mengelakkan tutur kata yang menyinggung perasaan.

Bahasa kiasan dalam etnik Dusun menggambarkan bahawa analisis wacana teks sebagai satu praktik sosial yang mempunyai hubungan dialektik antara peristiwa diskusif tertentu dengan situasi, institusi dan struktur yang membentuknya. Umpamanya dalam bahasa kiasan berunsurkan flora dan fauna seperti langsung dan kelawar dalam puisi tradisional *tukadan*. Langsung sejenis pokok buah-buahan yang menjadi kegemaran etnik Dusun sebagai tanaman di sekitar rumah ataupun di kebun. Salah satu musuh tanaman ini apabila berbuah adalah kelawar yang datang memakan buah yang pastinya mengundang kemarahan pemiliknya. Musim kehadiran kelawar ini sering dikaitkan dengan musim berbuah dan sukar ditemu dalam waktu lain. Fenomena ini menjadi dasar etnik Dusun mencipta peribahasa berbunyi '*katalib nogi mananglansat om korikot nogi o mangkawot*' (setelah berlalunya musim langsung berbuah, baru tibanya kelawar). *Tukadan* ini sering digunakan sebagai kiasan kepada seseorang yang kurang mementingkan ketepatan waktu. Langsung adalah sejenis pokok berbuah yang bermusim. *Mangkawot* atau kelawar mempunyai kaitan dengan langsung iaitu sebagai makanannya. Maka musim langsung berbuah dikaitkan dengan kehadiran kelawar. Kehadiran kelawar lazimnya bertepatan dengan musim langsung berbuah. Ini dikaitkan dengan deria hidu binatang ini yang begitu kuat. Oleh itu kelakuan orang yang datang bertandang tidak menepati waktunya dikiaskan dengan kelawar yang hadir setelah musim langsung berbuah berlalu sebagai sindiran tajam bahawa kelakuan tersebut tidak sepatutnya berlaku. Ini menggambarkan adab masyarakat Kadazandusun berkaitan dengan kepentingan menepati waktu. Analisis wacana seperti ini merupakan satu kaedah multidisipin melihat sesuatu wacana daripada pelbagai sudut bagi memberikan maksud suatu bentuk tafsiran yang bersepadu. Tafsiran sesuatu wacana perlu tepat mengikut konteks dan bergantung kepada persepsi, budaya, kepercayaan, ideologi serta latar pendidikan.

Selanjutnya, *tukadan* berbunyi '*katalib nogi mananglansat om korikot nogi o mangkawot*' (setelah berlalunya musim langsung berbuah, baru tibanya kelawar) menggambarkan usaha yang sia-sia kerana tidak dapat memberikan faedah atau tidak memperoleh apa-apa. Kehadiran kelawar setelah berlalunya musim langsung berbuah menjadikan binatang ini tidak mendapat apa-apa dalam kawasan tersebut setelah terbang dari tempat yang jauh. Keadaan ini adalah kiasan pengembaraan seseorang yang tidak berhasil kerana kelemahan dari segi persediaan awal atau perbuatan melakukan sesuatu tanpa perancangan terlebih dahulu. Oleh hal yang demikian, kiasan ini memberikan pendidikan agar sesuatu pekerjaan ini ingin dilaksanakan hendaklah dirancang sebaiknya agar memperoleh manfaat. Elakkan tabiat melakukan sesuatu secara membabi buta sehingga menimbulkan kerugian atau mala petaka kerana penyesalan di kemudian hari tidak ada gunanya.

Kiasan berikutnya yang berkaitan dengan langsung berbunyi *mongulit lansat (kulit langsung kembali segar)*. Lazimnya kulit langsung berwarna hijau sewaktu mentah kemudian bertukar menjadi kuning setelah masak. Apabila berwarna kuning kulit langsung kelihatan cantik, halus dan menarik. Langsung yang masak iaitu berwarna kuning diumpamakan sebagai wanita yang telah lanjut usia, fizikal yang kurang cergas serta kecantikan luaran tidak menarik. Wanita tua ini ingin kelihatan cantik dengan menggunakan pelbagai alat solek atau berhias. Skema dari segi positif menunjukkan sikap seorang wanita yang sentiasa menjaga penampilan agar sentiasa berkeyakinan berhadapan dengan sesiapa pun. Adakalanya wanita yang sibuk menjaga kecantikan fizikal sehingga mengabaikan kebajikan rumahtangga, apatah lagi jika kecantikan digunakan untuk kepuasan nafsu semata-mata akan disindir oleh masyarakat dengan kiasan *nokupang no korintut* (punggung telah kering/tua). Walau bagaimanapun etnik Dusun tidak menggunakan langsung yang mentah iaitu kulit berwarna hijau sebagai kiasan kepada gadis muda. Hal ini dapat dilihat dalam peribahasa *'pili-pili ku lansat, kopili ku otomou'* (ku pilih-pilih langsung, terpilih yang hijau) yang bermakna seorang lelaki memilih pasangan dalam kalangan beberapa gadis dengan harapan akan terpilih baik namun akhirnya terpilih gadis yang tidak baik. Buah langsung yang masih mentah rasanya asam dan tidak sedap dimakan merupakan kiasan kepada gadis yang kurang baik dari segi akhlak, ilmu atau adab.

Selanjutnya, *tukadan* berbunyi *lansat-lansat i nangku tu opisak* (bukannya seperti langsung yang mudah lenyek apabila terhimpit) bermakna suatu tekad yang teguh dalam mencapai sesuatu yang dikehendaki. *Tukadan* ini merupakan kiasan berkaitan dengan kesungguhan seseorang. Gambaran ini jelas dalam contoh hubungan percintaan yang banyak cabaran namun kesungguhan dan keteguhan pasangan meneruskan percintaan sehingga menikmati kebahagiaan. Kesungguhan akan membuahkan keyakinan bahawa setiap usaha yang dilakukan dengan ketekunan sentiasa membuahkan kejayaan bukannya seperti langsung apabila berada di tempat yang sesak pasti akan lenyek, rosak dan tidak boleh dimakan lagi. Hal ini berbeza dengan manusia yang berjaya hasil daripada usaha, kerajinan, ketekunan dan kesungguhan meskipun terpaksa melalui pelbagai cabaran, masalah dan rintangan.

Sudawil

Sudawil merupakan puisi tradisional etnik Dusun yang menyerupai pantun. Puisi ini adalah karangan berangkap terdiri daripada empat baris bagi setiap rangkap iaitu dua baris pertama disebut sebagai *balaan* atau *poninduai* (pembayang) kemudian dua baris terakhir sebagai *tonsi* atau *pongutus* atau *komoyon* ataupun *pongutas* (makna). Lazimnya setiap rangkap mempunyai tujuh hingga duabelas suku kata Susunan kata-kata dalam rangkap *sudawil* sering menggunakan bahasa kiasan untuk memberikan bayangan maksud sesuatu perkataan secara berlapik. Umpamanya kiasan yang menggambarkan cabaran dalam etnik Dusun iaitu *tambaig*. Menurut kepercayaan orang Dusun, *tambaig* adalah sejenis makhluk yang dipercayai tinggal dalam sungai dan menyerupai manusia. Cerita rakyat etnik Dusun menyebut bahawa *tambaig* adalah kumpulan manusia yang tinggal dalam sungai dan menjalani kehidupan seperti manusia iaitu mempunyai rumah sebagai tempat tinggal, berkeluarga dan bekerja untuk menyara kehidupan. Ada juga suku di Sabah yang menyebut *tambaig* sebagai *tobuakar*. Apabila manusia biasa dari bumi menyeberang atau mencari rezeki di sungai akan berhadapan dengan ancaman *tambaig* yang boleh menyebabkan seseorang itu lemas, tenggelam atau mati. Kiasan ini sebagai gambaran latar etnik Dusun yang menduduki penempatan sepanjang sungai lalu dihasilkan kiasan daripada penelitian bahawa dalam sungai mempunyai *'kotomboigan'* yang bermakna sungai merupakan sumber kehidupan tetapi juga mempunyai bahaya yang tersendiri seperti kemungkinan tenggelam, hanyut dan sebagainya. Dalam hal ini, kiasan tersebut merupakan ingatan agar sentiasa berhati-hati dalam kesenangan yang dialami. Makhluk *tambaig* juga disebut dalam puisi tradisional *sudawil* seperti berikut:

*Sada piara au i obolou doot do mato
Sadang tupan tapon po nga au opoto
Okon ko iso no sada doid kowoigan
Nga au ko toi orosi do kotomboigan?*

Talapia tidak membutuhkan kegelojohan mata
Meski umpan tidak sedap
Bukan satu sahaja ikan dalam sungai
Tapi tidakkah anda takut para *tambaig*?

(Sumber: Topin dan Guritom, 2009)

Puisi tradisional ini berkaitan dengan upacara *momuhaboi* atau memininang. Apabila rombongan pihak lelaki melafazkan hajat iaitu ingin memininang gadis maka pihak keluarga gadis akan memberikan kiasan bahawa dalam sungai banyak ikan namun bukan mudah untuk mendapatkan ikan tersebut kerana ada *tambaig* sebagai penjaganya. *Kotomboigan* atau para *tambaig* adalah kiasan kepada cabaran menempuh hidup berkeluarga. Sebelum mendirikan rumahtangga, seorang lelaki perlu mempunyai kedudukan ekonomi yang mantap, ilmu berumahtangga dan harta yang mencukupi untuk menjamin kekukuhan dan kerukunan rumahtangga. Tanpa persediaan tersebut, rumahtangga yang dibina akan rapuh, hancur malahan boleh memudaratkan wanita yang dikahwini serta anak sebagai kesinambungan keturunan.

Tabal-abal

Tabal-abal merupakan puisi tradisional etnik Dusun yang menyerupai bidalan dan sarat dengan bahasa kiasan. Biasanya, puisi ini mempunyai susunan kata-kata yang ringkas, mengandungi pengajaran serta mempunyai isi yang bernas. *Tabal-abal* berfungsi untuk memberikan nasihat, peringatan atau tunjuk ajar kepada masyarakat. Selain daripada perkataan *tabal-abal*, terdapat juga etnik dalam masyarakat Kadazan dan Dusun yang menyebut genre ini sebagai *lumpatod*. Contoh *tabal-abal* adalah *sundung oitom po lo rongitom, tomod oitom nogia lo tuhom* (walaupun hitam si pulasan, adat *tuhom* asalnya hitam).

Tuhom adalah sejenis tumbuhan yang boleh diproses untuk kegunaan mewarna pakaian tenun pada zaman dahulu kala yang masih mempunyai nilai dari segi tradisional sehingga ke hari ini. Pada masa dahulu, *tuhom* turut digunakan dakwat sebelum wujudnya pen dan pelbagai kemudahan teknologi moden. Ringkasnya *tabal-abal* ini adalah kiasan kepada sikap dan tingkah laku kurang bermoral yang telah diketahui umum namun sukar untuk memperbaiki diri. Oleh itu, *tabal-abal* tersebut memberikan nasihat atau peringatan agar memperbaiki sikap yang kurang baik serta insaf agar menjadi manusia yang beradab dan menjadi teladan yang baik kepada orang lain.

Salah satu contoh tingkah laku kurang bermoral atau tidak baik adalah perbuatan suka menghina keburukan orang lain tanpa menyedari kelemahan sendiri. Sikap seperti ini disebut dalam *tabal-abal* berbunyi *poingkibit o kara om poinsuun o gobuk* (kera didukung, monyet dijunjung) yang bermakna menghina kehodohan muka orang lain tanpa menyedari bahawa muka sendiri pun tidak cantik.

Talaala

Puisi tradisional etnik Dusun *talaala* merupakan satu cara masyarakat Kadazandusun menyampaikan sesuatu secara tersirat tetapi sarat dengan falsafah yang memerlukan pemprosesan maklumat yang tinggi namun masih dapat difahami oleh pendengar. Ini disebabkan *talaala* menggunakan kiasan dalam sulaman komunikasi yang lazimnya memerlukan kognitif aras tinggi untuk memahaminya. Penggunaan *talaala* dalam pelbagai bentuk komunikasi memancarkan pandangan hidup, cara berfikir, ketinggian akal budi malahan menjadi pendinding tatatertib dalam pergaulan serta perhubungan sesama manusia.

Orang yang tidak sedar diri merujuk kepada orang yang tidak sedar kecacatan diri atau kekurangan dirinya. Walaupun mempunyai kekurangan diri tetapi sentiasa mempunyai harapan yang tinggi untuk memiliki sesuatu yang tidak sepadan dengan dirinya seperti dalam puisi tradisional *talaala* berikut:

Modsinulok o lonto
Modsinua o lomi
Iri podi kaala
Mikimpang o tolungan
Om mitiwas o wayaan

Ke hulu *lonto*
Ke hilir *lomi*
Tetapi masalahnya
Muara sungainya tempang
Dan jalannya berselisih / tak seiring

(Sumber: Informan 1)

Lonto adalah sejenis ikan air tawar yang bersaiz kecil manakala *lomi* adalah sejenis ikan air tawar yang besar dan sedap dimakan. Ikan kecil adalah kiasan kepada martabat seseorang yang rendah sama ada dari segi ekonomi, sosial ataupun bentuk fizikal manakala *lomi* adalah kiasan seseorang yang sempurna akal dan fizikal, mempunyai kedudukan ekonomi dan status sosial yang tinggi. Apabila ikan yang besar mudik ke hulu untuk bertelur, ikan kecil juga tidak mahu ketinggalan meskipun kemungkinan untuk berhadapan dengan ancaman ikan yang besar. Keadaan ini adalah kiasan kepada seorang lelaki yang mempunyai kekurangan diri dari segi bentuk fizikal mempunyai hasrat berpasangan dengan gadis yang cantik dari segi fizikal dan akal.

Kedua-dua jenis dan saiz ikan ini dikaitkan lagi dengan muara sungai yang tidak seimbang iaitu salah satu sungai adalah kecil dan satu lagi besar yang menyebabkan muara tersebut kelihatan seolah-olah tempang. Keadaan muara ini sebagai kiasan kepada keadaan yang tidak seimbang menyebabkan kelihatan dengan jelas akan kecacatan atau ketidakseimbangan antara dua benda yang dibezakan. Dalam *talaala* ini, keadaan muara ini adalah kiasan kepada bentuk fizikal seseorang yang kakinya cacat iaitu salah satu kakinya panjang manakala kaki yang sebelah pendek. Keadaan jalan yang tidak seiring atau tidak sehaluan merupakan kiasan lanjutan akibat sekiranya dua benda yang tidak seimbang, apabila dipersatukan tidak mungkin akan sehaluan. Ringkasnya *talaala* ini adalah kiasan kepada seorang pemuda yang tempang kakinya dan berhajat untuk mengahwini gadis yang cantik dan rajin. Pihak keluarga perempuan tidak berkenan dengan lelaki tempang ini untuk menjadi menantu kerana kemampuannya dianggap tidak sepadan dengan anak gadis mereka. Kiasan ini bertujuan untuk mengkritik agar menyedari kemampuan diri dan tidak mengharapkan untuk mendapatkan sesuatu yang tidak sepadan. Umpamanya seseorang yang hendak berkahwin perlu mempertimbangkan kesepadanan dirinya terhadap bakal pasangannya. Ini untuk mengelakkan diri daripada disindir oleh ahli keluarga orang yang dipinang dan juga masyarakat sekeliling.

KESIMPULAN

Bahasa kiasan dalam kalangan etnik Dusun sarat dengan unsur-unsur pendidikan, nasihat dan adat sesuai dengan persekitaran kehidupan namun jelas menggambarkan corak pemikiran etnik ini. Khazanah ini amat bernilai dan dikatakan dicipta untuk menyampaikan mesej moral, sarat dengan nilai-nilai luhur agama, budaya dan norma-norma sosial etnik Dusun sebagai pemiliknya. Penyusunannya yang diolah dengan rapi dan disusun indah mengandungi seribu satu maksud yang amat mendalam. Sebab itulah ianya menjadi wadah penyebaran nilai-nilai luhur tersebut dalam kalangan etnik Dusun yang kemudiannya diwariskan kepada anak cucu secara lisan. Setiap susunan ungkapan bukan sahaja memperlihatkan irama yang indah, tetapi juga disusun dengan begitu teliti agar pemilihan perkataan yang digunakan dapat membayangkan corak pemikiran yang kritis, memaparkan kebijaksanaan masyarakat pada suatu masa dahulu yang berpandangan jauh dalam melontarkan idea dan pengajaran pada masa tersebut. Etnik ini yang sentiasa berpegang akan budi bahasa dan budaya ketimuran serta mementingkan air muka dan adab sopan telah menjadikan bahasa kiasan sebagai alat yang amat berkesan melalui pemilihan kata yang puitis dan merdu apabila diucapkan secara tidak langsung memainkan peranan mendidik masyarakat dengan cara yang halus.

Rujukan

- Dikul, J., & Kiting, R. (2019). The Use of Folklore as Educational Entertainment Materials. *The International Journal of Social Sciences and Humanities Invention*, 6(6), 5521-5523. <https://doi.org/10.18535/ijsshi/v6i6.06>
- Geertz, C. (1973). *The Interpretation of Culture*. New York: Basic Books.
- Harun Mat Piah. 2006. *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Johari, A., & Zahid, I. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 73-94. <https://doi.org/10.17576/gema-2016-1602-05>
- Kiting, R., Kinsom, J., & Benedick, E. (2020). NILAI PENDIDIKAN DALAM TALAALA DUSUN TINDAL. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. <https://doi.org/10.51200/ga.vi.2303>
- Kiting, R. (2019). Momuhaboi (Meminang) Ceremony of Kadazandusun Society. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(2). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i2/5868>
- Lakoff, R. T. (1975). *Language and women's place*. NY: Harper Colophom.
- Lincoln, Y.5., dan Guba, E.G. 1985. *Naturalistic Inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Mat Hassan, A., Alimi, K., Isam, H., & Abd. Mutalib, M. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 410-427. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2020-3604-25>
- Topin dan Guritom. (2009). *Sudawil do Kadazandusun doid Bunduliwan Pangaan Ko-1*. Penampang: Koisaan Koubasanan Kadazandusun (KDCA).
- Wan Mansor, N., & Jalaluddin, N. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik (The Implicit Meaning in Malay Figurative Language: Synergising Communication, Cognition and Semantics). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 311-334. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2016-3201-15>